

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah penyelidikan. Perbincangan akan ditumpukan kepada perkara-perkara berikut iaitu sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur pengumpulan data dan analisis data.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti kesedaran pelajar sekolah menengah terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Kajian ini adalah kajian deskriptif. Kajian deskriptif menerangkan suatu fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperoleh dari soal selidik atau media-media lain (Van Dalen 1979). Fenomena ini dikenalpasti melalui soal selidik yang di berikan kepada pelajar-pelajar. Melalui soal selidik tersebut, penganalisan dan rumusan tentang kesedaran pelajar terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dilakukan.

#### 3.1 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan di Sek. Men. Keb. Mentakab, Pahang. Sekolah ini dipilih berdasarkan kriteria berikut:

- a) adanya seorang kaunselor sepenuh masa yang terlatih sejak 1996;
- b) perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sedang dijalankan di sekolah ini dan
- c) sekolah ini adalah wakil yang baik untuk populasi pelajar-pelajar sekolah menengah di Mentakab.

### 3.1.1 Latar belakang sekolah

Sekolah ini yang dibuka pada tahun 1966, merupakan sekolah menengah yang terawal ditubuhkan di bandar ini. Sekolah ini adalah sekolah gred A dengan bilangan pelajar seramai 1724 orang; iaitu dari tingkatan peralihan hingga tingkatan lima. Terdapat 94 orang guru yang sedang berkhidmat di sekolah ini.

Dari segi perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, terdapat seorang kaunselor sepenuh masa yang telah dilantik sejak pertengahan tahun 1996. Sekolah ini menyediakan sebuah Bilik Bimbingan dan Kaunseling yang selesa dan luas untuk kaunselor menjalankan aktiviti-aktiviti hariannya. Selain lima orang pembantu yang terdiri daripada guru-guru biasa, tiada pembantu khas untuk kaunselor.

### 3.1.2 Kaunselor sekolah

Sekolah ini mempunyai seorang kaunselor sepenuh masa lelaki yang telah berkhidmat sejak tahun 1996. Beliau berumur empat puluh satu tahun, berketurunan Melayu dan sudah berkahwin. Kaunselor ini mempunyai kelulusan Sijil Maktab Perguruan Ilmu Khas sebelum memperolehi Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling dari Universiti Putra Malaysia.

Beliau telah berkhidmat sebagai guru selama sembilan belas tahun dan mempunyai pengalaman selama tiga tahun sebagai kaunselor. Beliau telah menghadiri pelbagai jenis kursus dan kem yang berkaitan dengan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Beliau berminat dengan tugas sebagai kaunselor dan menyatakan sambutan pelajar terhadap perkhidmatan ini adalah menggalakkan. Masalah-masalah utama yang dihadapi ketika menjalankan tugas beliau adalah :

- a) beban tugas yang berat;
- b) kurang sokongan daripada Pengetua serta kurang kerjasama guru-guru dan
- c) tanggapan negatif terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Cadangan beliau untuk meningkatkan keberkesanan seorang kaunselor ialah memberi pengiktirafan kepada jawatan kaunselor; iaitu sama taraf dengan Guru Penolong Kanan 1 dan Guru Penolong Kanan 2 (Hal Ehwal Murid) sekolah. Beliau turut mencadangkan supaya peruntukan khas ditambah bagi menjalankan aktiviti-aktiviti serta pendedahan diberikan kepada Pengetua berhubung dengan kepentingan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.

### 3.1.3 Pemilihan sampel kajian

Dalam kajian ini, hanya pelajar-pelajar tingkatan dua dan tingkatan empat dipilih sebagai sampel kerana pelajar-pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima sedang sibuk membuat persediaan untuk menghadapi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia.

Sampel kajian ini terdiri dari 50 orang pelajar tingkatan dua (25 pelajar lelaki dan 25 pelajar perempuan) dan 50 orang pelajar tingkatan empat (25 pelajar lelaki dan 25 pelajar perempuan). Terdapat 10 kelas tingkatan dua dan tingkatan empat masing-masing dengan purata pelajar seramai 30 dan 35 orang. Sampel

pelajar dipilih berdasarkan buku kedatangan pelajar iaitu pelajar-pelajar lelaki dan perempuan dipilih secara rawak.

Berdasarkan senarai pelajar-pelajar yang terpilih, pengkaji mendapatkan pengesahan secara lisan daripada guru tingkatan pelajar-pelajar tersebut untuk memastikan mereka yang terpilih fasih membaca, menulis dan memahami soalan-soalan dalam Bahasa Malaysia. Ini penting kerana soal selidik yang digunakan dalam kajian memerlukan kemahiran-kemahiran tersebut. Jadual 3.1 menunjukkan taburan sampel kajian ini.

Jadual 3.1  
Komposisi Sampel Kajian

	Jumlah besar	pelajar lelaki	pelajar perempuan	sampel lelaki	sampel perempuan
Tingkatan 2	308	145	163	25	25
Tingkatan 4	350	138	212	25	25

Secara keseluruhan, pelajar-pelajar yang terpilih sebagai sampel merangkumi pelbagai tahap kebolehan akademik dan dari latar belakang sosioekonomi yang berbeza.

### 3.2 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah Soal selidik Pelajar [Lampiran (b)]. Soal selidik ini dibina oleh pengkaji berdasarkan bacaan dan tinjauan pelbagai kajian-kajian lepas di dalam dan di luar negara. Soal selidik ini mengandungi empat bahagian.

Bahagian I atau pengenalan memerlukan subjek kajian memberi maklumat mengenai tingkatan, jantina, bangsa, anggaran pendapatan ibubapa, sikap terhadap pembelajaran, jawatan khas yang dipegang, keahlian kelab Bimbingan dan Kaunseling dan berapa lama mereka telah belajar di tempat kajian.

Bahagian II bertujuan mengumpulkan maklumat berkenaan pengetahuan pelajar-pelajar mengenai perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Melalui maklumat ini, pengkaji dapat menentukan kesedaran pelajar tentang perkhidmatan tersebut. Para pelajar disoal sama ada mereka pernah mendengar tentang perkhidmatan ini, sama ada sekolah menyediakan perkhidmatan ini, adakah mereka mengenali kaunselor sekolah mereka serta kedudukan Bilik Kaunseling dan tujuan perkhidmatan ini disediakan. Pelajar-pelajar juga diminta menulis apa yang mereka fahami dengan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Pelajar-pelajar disoal samada mereka diberikan maklumat tentang perkhidmatan ini, bila dan siapakah yang memberikannya. Pelajar-pelajar diminta menuliskan aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang mereka tahu serta pendapat mereka mengenai kepentingan perkhidmatan ini dan penilaian mereka terhadap perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah mereka.

Bahagian III bertujuan mengumpulkan maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan Bimbingan; iaitu samada pelajar-pelajar membaca maklumat mengenai perkhidmatan ini, dipanggil berjumpa dengan kaunselor, berjumpa dengan kaunselor secara sukarela, jenis masalah yang akan dibincangkan, penyertaan dalam aktiviti kumpulan yang diketuai oleh kaunselor, mengalakkan pelajar-pelajar lain berjumpa dengan kaunselor, aktiviti-aktiviti yang diketahui

dijalankan dan disertai oleh pelajar-pelajar, sumber mendapatkan pertolongan bila berhadapan dengan masalah dan sebabnya.

Bahagian IV soal selidik ini cuba melihat keberkesanan kaunselor serta perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling pada pelajar-pelajar yang pernah mendapat bimbingan dan pertolongan kaunselor. Soalan-soalan dalam bahagian ini bertumpu kepada perasaan dan pendapat pelajar terhadap kaunselor, apakah bimbingan yang diberikan oleh kaunselor dan setakat mana pelajar-pelajar merasakan perkhidmatan yang mereka terima adalah berkesan.

Jadual 3.2 menunjukkan ringkasan item-item dalam soal selidik pelajar.

Jadual 3.2  
Ringkasan Item-item dalam Soal Selidik Pelajar

	Nombor Item
I) Kesedaran	
- Pengetahuan perkhidmatan	9, 10, 11, 12, 13, 18
- Pengetahuan aktiviti	19
- Pemahaman perkhidmatan	14
- Maklumat perkhidmatan	15, 16, 17
II) Penggunaan	
- Perkhidmatan secara sukarela	22, 25
- Perkhidmatan kerana kaunselor	23, 27,
- Jenis masalah dibincang dengan kaunselor	26
- Sumber mendapatkan pertolongan/sebabnya	31, 32
- Aktiviti-aktiviti yang diketahui/disertai	30
III) Pendapat dan Keberkesanan	
- Pendapat mengenai perkhidmatan/kaunselor	20, 21, 29
- Keberkesanan perkhidmatan	24, 28
- Keberkesanan pertolongan kaunselor	33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43

### 3.3 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini telah dijalankan selepas mendapat kelulusan dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian ini didapati dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (EPRD, Kementerian Pendidikan Malaysia) [Lampiran (c)] dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang [Lampiran (d)].

Pentadbiran soal selidik ini telah dijalankan pada pertengahan bulan Oktober. Sejumlah 100 soal selidik telah diedarkan kepada subjek kajian pada dua peringkat masa yang berlainan. Pengkaji menjalankan pentadbiran soalselidik ini pada dua masa yang berlainan memandangkan faktor pelajar tingkatan empat berada di sidang pagi manakala pelajar tingkatan dua berada di sidang petang. Pengkaji juga berpendapat bahawa ia akan memudahkan proses pentadbiran soal selidik ini.

Soal selidik ini telah ditadbir oleh pengkaji sendiri untuk memastikan keseragaman dalam prosedur kajian. Pelajar-pelajar diberi penjelasan ringkas mengenai tujuan kajian dan bagaimana setiap item di dalam soal selidik ini harus dijawab. Pelajar-pelajar digalakkan untuk memberi jawapan yang ikhlas dan menjawab soal selidik mereka dengan sendiri.

Di peringkat pertama, kesemua 50 subjek kajian tingkatan empat telah dikumpulkan di Bilik Sumber Sekolah. Masa lebih kurang 10 minit diambil untuk mengedarkan soal selidik kepada pelajar-pelajar dan menerangkan arahan-arahan untuk menjawab soal selidik ini. Keseluruhan pentadbiran ini mengambil masa selama satu jam. Peringkat kedua pentadbiran soal selidik ini dijalankan ke atas

50 subjek kajian tingkatan dua. Pengkaji mengambil lebih kurang 20 minit dalam mengedar dan menerangkan arahan dan tujuan soal selidik ini dijalankan. Keseluruhan pentadbiran soal selidik ini mengambil masa dua jam. Setelah lengkap mengisi soal selidik ini pengkaji mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar yang terlibat.

#### 3.4 Analisis Data

Kesemua 100 orang responden dalam kajian ini telah mengisi dan menyerahkan soal selidik. Oleh kerana maklumat yang dikaji adalah soalan terbuka dan soalan tertutup, maka analisis deskriptif sahaja yang dilakukan. Analisis data dilakukan berasaskan tiga bahagian utama iaitu:

- a) kesedaran pelajar tentang perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling;
- b) penggunaan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dan
- c) pendapat dan keberkesanan perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.